PERKEMBANGAN PADA SUKU KEEMPAT 2016

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada suku keempat 2016. Ekonomi maju mencatat trend pertumbuhan yang tidak sekata, sebahagiannya didorong oleh perbezaan dari segi kekukuhan penggunaan swasta dalam keadaan kitaran dan struktur yang lemah. Di rantau Asia, aktiviti ekonomi disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri. Yang penting, sektor luaran membantu beberapa ekonomi mencatat pertumbuhan, selepas mengalami pertumbuhan negatif untuk beberapa suku tahunan berturut-turut. Ketidaktentuan pasaran kewangan meningkat berikutan kebimbangan terhadap isu-isu utama dalam ekonomi maju, seperti ketidakpastian dasar dan politik di Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) akibat keputusan pilihan raya presiden di AS dan undian oleh UK untuk keluar dari Kesatuan Eropah. Secara keseluruhan, keadaan monetari global kekal akomodatif, berlatarkan kebimbangan yang berterusan mengenai pertumbuhan berserta inflasi yang semakin meningkat walaupun rendah.

Ekonomi global terus berkembang

Ekonomi maju mencatat prestasi pertumbuhan yang tidak sekata. AS mencatat pertumbuhan yang lebih baik manakala pertumbuhan di UK dan kawasan euro adalah mampan. Ekonomi AS berkembang pada kadar lebih cepat pada suku keempat 2016, mencerminkan terutamanya pertumbuhan pelaburan tetap yang berubah arah. Secara khususnya, perbelanjaan modal sektor awam yang lebih tinggi untuk lebuh raya, pendidikan dan pembinaan berkaitan rekreasi telah menyokong aktiviti pelaburan. Pertumbuhan di UK secara amnya adalah mampan dan disokong terutamanya oleh penggunaan swasta. Firma-firma masih mengambil sikap berhati-hati tentang prospek ekonomi dalam keadaan ketidakpastian yang belum reda mengenai rangka kerja baharu hubungan UK-EU. Di kawasan euro, pertumbuhan sebahagian besarnya dipacu oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, keadaan pasaran pekerja terus lembap dengan pertumbuhan upah yang perlahan dan kadar pengangguran yang tinggi. Di samping itu, keadaan perniagaan terus dipengaruhi oleh ketidakpastian berikutan pilihan raya kebangsaan yang bakal diadakan dalam beberapa ekonomi penting dan proses rundingan keluar UK-EU yang dijangka berlarutan, terutamanya dengan sentimen yang semakin meningkat berhubung dengan perkembangan di Kesatuan Eropah (euroscepticism) di seluruh rantau tersebut.

Pertumbuhan KDNK Benar Global (Perubahan Tahunan, %)



a Anggaran awal
p Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Aktiviti ekonomi negara-negara sedang pesat membangun di Asia adalah mampan dalam keadaan permintaan luar negeri yang beransur-ansur bertambah baik. Pertumbuhan ekonomi RR China mencatat sedikit peningkatan. Meskipun industri utama dan sekunder berkembang pada kadar lebih perlahan, perkembangan ini lebih daripada diimbangi oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam industri perkhidmatan (8.2%, S3 2016: 7.5%), terutamanya dalam perkhidmatan pengguna seperti media, pendidikan, penyelidikan saintifik, dan perkhidmatan sosial. Dalam ekonomi ASEAN, pertumbuhan terus disokong oleh permintaan dalam negeri dengan adanya beberapa sokong dasar.

Ketidaktentuan pasaran kewangan global meningkat pada suku keempat

Pada separuh kedua suku keempat, keadaan kewangan global lebih tidak menentu dan

didominasi oleh peralihan sentimen yang dipengaruhi oleh peristiwa yang berlaku dalam ekonomi maju. Di AS, pasaran ekuiti dan dolar AS meningkat selepas keputusan pilihan raya presiden diumumkan. Peningkatan ini disebabkan jangkaan bahawa pentadbiran baharu AS akan melaksanakan dasar menyokong pertumbuhan dan pengembalian semula dasar monetari kepada keadaan yang wajar dengan lebih cepat oleh Federal Reserve (Fed). Pasaran kewangan bagi sebahagian besar ekonomi maju lain bertambah baik, disokong oleh tanda-tanda awal kekukuhan dari RR China dan pelanjutan program pembelian bon oleh European Central Bank (ECB). Penyusutan nilai yen berbanding dengan dolar AS juga mendorong pertumbuhan dalam pasaran Jepun, apabila prospek untuk eksport menjadi bertambah baik. Sebaliknya, sebahagian besar pasaran ekuiti dan bon serantau terjejas dengan ketara berikutan kebimbangan bahawa peristiwa ini boleh mencepatkan aliran keluar modal dari pasaran sedang pesat membangun. Oleh itu, mata wang di rantau ini secara amnya menyusut sejak awal bulan November dan mengakhiri suku keempat lebih rendah berbanding dengan dolar AS.

Harga minyak mentah Brent lebih tinggi pada purata USD51 setong (S3 2016: USD47). Pada sebahagian besar suku keempat, jangkaan mengenai perjanjian untuk mengurangkan keluaran minyak oleh OPEC telah mendorong sentimen pasaran untuk meningkat dengan ketara. Trend peningkatan ini terganggu pada pertengahan suku tersebut disebabkan ketidakpastian pascapilihan raya AS. Penurunan ini makin ketara apabila kebimbangan mengenai lebihan bekalan muncul kembali setelah inventori minyak di AS bertambah dan ketidakpastian meningkat mengenai keupayaan OPEC untuk memuktamadkan perjanjiannya. Namun, selepas perjanjian dimeterai antara negara OPEC dan bukan OPEC untuk mengurangkan keluaran minyak, harga minyak mentah Brent meningkat kepada paras tertinggi sejak pertengahan tahun 2015 dan mengakhiri tahun 2016 pada paras USD57 setong.

Inflasi lebih tinggi sedikit dalam ekonomi maju dan Asia

Inflasi keseluruhan dalam ekonomi maju meningkat pada suku keempat walaupun pada kadar lebih rendah berbanding dengan sasaran bank pusat bagi kebanyakan ekonomi. Yang penting, trend inflasi keseluruhan yang lebih tinggi sebahagiannya mencerminkan kenaikan harga minyak mentah pada suku keempat 2016, yang menyebabkan kenaikan harga bahan api dan minyak pembakar, lantas mengurangkan kesan harga tenaga terhadap tekanan harga domestik. Inflasi teras dalam ekonomi maju secara relatifnya kekal tinggi .

Sebahagian besar ekonomi Asia turut mencatat peningkatan inflasi. Harga makanan di rantau ini terus meningkat pada kadar lebih cepat disebabkan kekurangan bekalan ekoran keadaan cuaca yang buruk. Tambahan lagi, kenaikan harga minyak telah meredakan tekanan penurunan harga di seluruh rantau. Yang ketara, selepas mengalami tempoh inflasi negatif sejak suku keempat 2014, Singapura mencatat kenaikan inflasi suku tahunan buat kali pertama, apabila pemulihan sederhana harga minyak global berjaya mengurangkan tekanan daripada kos pengangkutan. Walau bagaimanapun, Hong Kong SAR mengalami inflasi yang sederhana, apabila langkah kerajaan untuk membendung harga perumahan swasta yang melambung mula membuahkan hasil.

Pendirian dasar monetari global masih akomodatif

Pendirian dasar monetari dalam ekonomi maju masih sangat akomodatif. Kebanyakan bank pusat mengekalkan kadar dasar utama masing-masing kecuali Fed AS. Fed menaikkan kadar dana persekutuan buat kali pertama sejak bulan Disember 2015 sebanyak 25 mata asas kepada 0.50 – 0.75%. Menurut penilaian Fed, pemulihan ekonomi AS berkembang pada kadar yang sederhana, dengan peningkatan ketara dalam pasaran pekerja. Yang nyata, Jawatankuasa Pasar Terbuka Federal (Federal Open Market Committee, FOMC)

menjangkakan pengembalian semula dasar monetari kepada keadaan wajar dengan lebih cepat pada tahun 2017. Di kawasan euro, European Central Bank (ECB) memutuskan untuk mengekalkan kadar dasar utamanya dan meneruskan program pembelian aset (APP) pada kadar EUR80 bilion sebulan sehingga akhir bulan Mac 2017 dan kemudiannya mengurangkan kepada EUR60 bilion sehingga bulan Disember 2017, atau melanjutkannya pada tahun-tahun akan datang. Langkah ini akan bergantung pada pelarasan dalam kadar inflasi. Bank pusat lain dalam ekonomi maju seperti Bank of Japan, Bank of England dan Reserve Bank of Australia tidak mengubah kadar dasar utama mereka sejak suku tahun sebelumnya.

Di Asia, beberapa bank pusat mengurangkan kadar dasar utama mereka pada suku keempat. Bank Indonesia menurunkan kadar dasar utamanya, iaitu kadar repo berbalik (reverse repo) tujuh hari, daripada 5.00% kepada 4.75% pada bulan Oktober, apabila tekanan inflasi dalam negeri telah reda. Berikutnya, Bank Indonesia menurunkan kadar dasar utamanya, menunjukkan sikap berhati-hati dalam menangani pasaran kewangan global yang semakin tidak menentu. Reserve Bank of India turut menurunkan kadar dasar utamanya daripada 6.50% kepada 6.25% pada bulan Oktober berikutan kelembapan yang ketara dalam pertumbuhan global. Ini merupakan keputusan pertama yang dibuat oleh jawatankuasa dasar monetari yang baru dilantik, yang mendorong kadar dasar menurun kepada paras paling rendah dalam tempoh lima tahun. Semua bank pusat lain di rantau ini mengekalkan kadar dasar utama masing-masing.

Prospek pertumbuhan global terus diselubungi ketidakpastian

Pada masa hadapan, ekonomi global dijangka bertambah baik namun berada pada landasan pertumbuhan yang sederhana. Meskipun terdapat tanda-tanda pertumbuhan dalam ekonomi utama lebih mampan pada tahun 2017, risiko pertumbuhan global menjadi lebih perlahan masih wujud. Hal ini disebabkan oleh turun naik dalam harga komoditi, ketidakpastian dasar dan prospek pertumbuhan dalam ekonomi maju utama, penghindaran risiko yang meningkat dalam pasaran kewangan global serta perkembangan geopolitik.